

06/09/2003

Racun, Hari Kebangsaan dan tugas guru

Teh Kean Kiat & Magendran Rajagopal

AKHBAR berbahasa Cina minggu ini, menumpukan perhatian terhadap dakwaan kira-kira 90 peratus petani di Cameron Highlands, Pahang dikatakan menggunakan racun serangga haram bagi sayur-sayuran dan buah-buahan.

Lidah pengarang China Press Khamis lalu, meminta kerajaan memainkan peranannya menjalankan pemantauan secara tetap bagi mengelakkan penyalahgunaan racun serangga haram berleluasa, khususnya di kawasan itu.

Akhbar itu juga berharap pihak yang membuat dakwaan supaya menunjukkan bukti dan maklumat lengkap untuk memudahkan kerajaan menjalankan siasatan bagi mengenal pasti asal racun serangga haram.

Selain tindakan penguatkuasaan, Jabatan Pertanian perlu melaksanakan pendidikan kesedaran bagi semua petani mengenai cara penggunaan racun serangga yang betul. Ini penting bagi mengelakkan kesihatan pengguna dan kegiatan mengeksport tanaman terjejas.

Kelmarin, lidah pengarang Nanyang Siang Pau berpendapat kerajaan perlu menjalankan siasatan terhadap semua petani, termasuk petani kecil-kecilan bagi mengelakkan penyalahgunaan racun serangga haram secara berleluasa.

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna perlu mengadakan operasi untuk membanteras kegiatan penyeludupan racun serangga haram.

Penggunaan racun serangga secara berlebihan akan menyebabkan kesihatan pengguna dan alam sekitar terancam.

Sementara itu, menurut laporan Nanyang Siang Pau, Khamis lalu, sumber dari sektor pertanian mendedahkan bahawa racun serangga haram mendapat sambutan hangat daripada petani berikutan kandungan racunnya yang pekat dan harga murah.

Difahamkan, racun serangga haram lama berada di pasaran tempatan dan sebahagian besar datang dari Thailand.

Kandungan racun dalam racun serangga haram tinggi dan ia dikatakan mampu mengawal serangan serangga dan perosak secara berkesan untuk jangka masa panjang.

Sementara itu, semangat sambutan Hari Kebangsaan negara ke-46 menjadi paparan utama Tamil Nesan (Nesan) dan Malaysia Nanban (Nanban) minggu ini, dengan kedua-dua akhbar menyifatkan sambutan kali ini sebagai hadiah perpisahan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang bakal bersara bulan depan.

Kedua-dua akhbar itu melaporkan bahawa suasana sambutan yang julung kali di Boulevard Putrajaya itu secara tidak langsung mengimbau apa yang dimiliki negara apabila mendapat kemerdekaan pada 1957 dan menghargai kemampuan merencana pembangunan sehingga terbangunnya pusat pentadbiran serba canggih di Putrajaya.

Nesan, dalam lidah pengarangnya, melaporkan bahawa kejayaan yang dicapai setakat ini tidak wajar menjadikan rakyat alpa menikmati kemewahan. Mereka sebaliknya, perlu berusaha lebih gigih bagi duduk sama tinggi dengan negara maju di persada dunia.

Sehubungan itu, akhbar berkenaan meminta kerajaan membuka lebih banyak peluang kepada golongan bukan Bumiputera dengan menggalakkan mereka mewujudkan gandingan perniagaan bersama usahawan Bumiputera. Ini sebagai langkah melengkapkan diri menghadapi saingan liberalisasi dan globalisasi.

Akhbar itu berpendapat, usahawan tempatan tidak boleh lagi bersikap katak di bawah tempurung dan menganggap diri mereka tidak akan terjejas dengan perkembangan sejagat. Ini kerana dalam konsep dunia tanpa sempadan,

pasaran terbuka hanya boleh dikuasai oleh mereka yang benar-benar berkemampuan.

Nesan juga memulakan ruangan khas setiap Ahad bagi memperingati pengorbanan wanita keturunan India pada zaman sebelum merdeka ketika negara masih dikenali sebagai Malaya di bawah penjajahan British, terutama mereka yang hidup di ladang.

Rencana pertamanya Ahad lalu, bersamaan dengan Hari Kebangsaan ditulis oleh Pengerusi akhbar berkenaan, Datin Seri Indrani, yang juga isteri Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu.

Nanban pula menyiarkan kenyataan Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan, Datuk N Siva Subramaniam yang mendakwa kebanyakan guru terpaksa menghabiskan lebih masa menghadiri kursus atau seminar ketika bekerja sehingga kebajikan pelajar terabai.

Katanya, peningkatan kegiatan gangsterisme dikesan mempunyai kaitan secara langsung dengan hakikat ini dan dianggarkan kira-kira 15 peratus daripada guru di sesebuah sekolah tidak berada dalam bilik darjah kerana terpaksa menguruskan tugas rasmi di luar.

Sehubungan itu, beliau meminta Kementerian Pendidikan supaya mengurangkan pembabitan guru dalam kegiatan yang tidak ada kaitan dengan pelajar, selain menambah perjumpaan Persatuan Ibu Bapa dan Guru bagi membincangkan serta mengatasi masalah disiplin pelajar.